

20 JAN 1997

Muhyiddin-Kit-Plane

PESAWAT KIT-PLANE PERTAMA RAKAN MUDA TERBANG DUA BULAN LAGI

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Pesawat Kit-Plane pertama yang dibina melalui gaya hidup rekreasi udara di bawah program Rakan Muda dijangka boleh diterbangkan dalam tempoh dua bulan lagi, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

Katanya, pesawat itu, yang pembinaannya kini sudah 49 peratus siap, diharap dapat mengambil bahagian dalam projek "Langkawi Fly in Oshkosh East 1997" apabila sudah bersedia untuk diterbangkan.

"Keunikan projek ini ialah para peserta terlibat dalam merekabentuk, membina dan menerbangkan sendiri pesawat yang mereka bina itu.

"Melalui cara begini, para peserta khususnya anak-anak muda akan mendapat manfaat bukan sahaja dari sudut rekreasi tetapi juga pendedahan kepada bidang kejuruteraan penerbangan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran kerja dan menandatangani memorandum persefahaman projek Kit-Plane Rakan Muda di Stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sungai Besi, di sini.

Katanya, projek Kit-Plane itu, hasil ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, boleh memberi cabaran dan keupayaan kreativiti yang tinggi bersesuaian dengan keperluan negara di samping membantu anak muda meneroka peluang memasuki teknologi tinggi.

Muhyiddin berkata, tujuh orang anak muda telah dihantar ke Universiti Oshkosh, Amerika Syarikat untuk mengikuti latihan Kit-Plane.

Katanya, mereka telah kembali ke tanah air hujung tahun lepas dan dengan penuh semangat mula membina pesawat Kit-Plane Rakan Muda yang pertama itu.

"Walaupun projek ini bersifat perintis dan kecil jika dibandingkan dengan keseluruhan pembangunan industri dan budaya penerbangan, bagi masyarakat belia ia adalah satu langkah besar yang berupaya menerobos benteng psikologi dan minda mereka," katanya.

Katanya, kerajaan memperuntukkan RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mendirikan pusat-pusat rekreasi udara bagi manfaat kelab-kelab penerbangan yang akan ditubuhkan oleh persatuan-persatuan belia dan rekreasi.

"Dalam imbangannya ini, kementerian bercadang untuk menggalakkan penubuhan kelab-kelab pesawat terbang eksperimen di peringkat negeri untuk mendedahkan lebih ramai anak muda dan masyarakat umum kepada kegiatan seumpama itu dan sekaligus kita berharap ia akan dapat menjadi hobi di tempat masing-masing," katanya.

-- BERNAMA

AH AHH